



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 7 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPDNHEP, MAFI PASTIKAN ISU HARGA AYAM TIDAK BERLARUTAN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	SOSEJ DAGING BABI DIRAMPAS POSITIF ASF, LOKAL, HM -6	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	MAQIS RAMPAS SOSEJ DAGING BABI POSITIF ASF, NEGARA, KOSMO -5	
4.	HANYA TERDAPAT 2 KEBUN NANAS COBEK KOMERSIL, KELANTAN, HARAKAH -H13	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
5.	IKUT JADUAL PENANAMAN PADI DITETAPKAN, HM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	AYAM MAHAL, 3 PREMIS DIKOMPAUN, NEGARA, KOSMO -5	LAIN-LAIN
7.	PERAK BANGUN PROJEK DURIAN SKALA BESAR, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -H14	
8.	TERPAKSA CAJ POTONG AYAM UNTUK DAPAT UNTUNG, DALAM NEGERI, UM -5	
9.	KARTEL KAWAL HARGA AYAM, MUKA DEPAN, UM -1 & 2	
10.	TIGA PREMIS PEMBORONG KENA KOMPAUN RM1,000, LOKAL, HM -12	
11.	BEKALAN MAKIN KURANG, LOKAL, HM -12	
12.	JANGKA HARGA MELONJAK RM12 SEKILOGRAM MENJELANG AIDILFITRI, LOKAL, HM -12	
13.	PENIAGA AYAM TERTEKAN, TERPAKSA NAIKKAN HARGA JUALAN, NASIONAL, BH -4	
14.	TRADERS COMPAUNDED RM65,300, NATION/NEWS, NST -3	
15.	LAM THYE: ACT SWIFTLY OR IT WILL BE NATIONAL CRISIS, NATION/NEWS, NST -3	
16.	RUGI RM30,000 TANAMAN DISERANG PENYAKIT MISTERI, NASIONAL, BH -19	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## KPDNHEP, MAFI, pastikan isu harga ayam tidak berlarutan



SEPANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus mengadakan sesi libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan isu kenaikan harga ayam tidak berlarutan sehingga menjelang hari raya.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, beliau terkejut dengan perkembangan terkini apabila beberapa negeri dilaporkan masih mengalami

kekurangan bekalan ayam dan telur, sedangkan MAFI sudah berijinan bekalan tidak akan terjejas sepanjang Ramadan.

"Saya juga bimbang isu ini akan berterusan sehingga menjelang hari raya, jadi kita akan pantau dan mengadakan sesi libat urus berterusan dengan MAFI sebagai pihak yang menjaga bekalan makanan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Ops Pantau Bazar Ramadan di Bazar Ramadan Taman Putra Perdana, Puchong di sini, pada Rabu.

Beliau berkata, siasatan akan dijalankan di semua peringkat, melibatkan daripada pengeluar ayam dari ladang ternakan sehingga kepada pengguna.

"Kalau didapati ada peningkatan (di mana-mana peringkat), kita akan pertimbangkan sama ada untuk menghantar surat saman atau kompaun (kepada pihak terbabit)," katanya. - Bernama

# Sosej daging babi dirampas positif ASF

**Sepang:** Produk sosej daging babi yang dirampas daripada seorang warga China pada 26 Mac lalu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) didapati positif penyakit demam babi Afrika (ASF).

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dalam keadaannya semalam memaklumkan, sosej daging babi seberat 10 kilogram dianggar bernilai RM350 dirampas daripada lelaki warga China yang meletakkan其nya dalam bagasi tangan. "Beberapa sampel diambil

dari pada sosej daging babi tersebut itu diuji di Makmal Kesihatan Awam Veterinar dan hasil ujian makmal mendapati sosej itu positif untuk pengesahan penyakit ASF," katanya.

Menurut MAQIS, prosedur ujian itu dilakukan bagi mencegah penularan wabak penyakit dan dikhuatiri jika tidak dikawal boleh menyebabkan industri ternakan babi negara terjejas.

"Semua sosej yang dirampas akan dilupuskan mengikut prosedur operasi piawaian yang ditetapkan," katanya.



**SALAH SATU PREMIS PEMBERORONG YANG DIKENALKAN TINDAKAN KOMPAUN SETEPAS MENGAWASI HARGA AYAM DI BEBERAPA PASAR AWAM DAN BASAH DI SELANGOR.**

## Ayam mahal, 3 premis dikompaun

**SHAH ALAM** — Tiga premis pemberorong yang mahu mengaut keuntungan berlebihan menjadi punca kenaikan harga ayam rungit di beberapa pasar awam dan basah sekitar Selangor.

Ketiga-tiga premis pemberorong di sekitar Klang, Puchong dan Kajang itu didekati menjual ayam standard sehingga RM8.20 sekilogram berbanding harga diterapkan RM7.60 sekilogram. Pengaruh Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perusahaan Selangor, Muhammad Zikri Azan Abdullah berkata, pihaknya terdahulu menerima laporan berhubung pergerakan harga runcit ayam mencecah RM9.30 sekilogram berbanding diterapkan

kerajaan sebanyak RM8.90. Katanya, hasil pemeriksaan dijalankan kelmarin ke atas ranjitan pengedaran telah mengetahui pasti kenakan itu berlaku disebabkan tiga buah premis

\*Mereka didapatkan menjual ayam standard pada harga borong melebihi harga yang ditetapkan di bawah Perentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam.

“Dua daripada premis itu juga didapatkan berniaga tanpa lesen selaras dengan mengeluarkan dokumen lesen borong menjual barang kawalan (ayam),” kata-

nya dalam kenyataan di sini semalam.

Kata Muhammad Zikri, ketiga-tiga premis tersebut telah dikenakan dikompaun serta-merta dengan nilai masing-masing sebanyak RM1,000.

Jelas beliau, kes disiasat mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

“Kita turut meminta kerjasama orang ramai untuk mempraktikkan ‘Pengguna Bijak Adu’ mengenai salah laku mana-mana peringkat perniagaan menerusi saluran aduan rasmi seperti Bilik Gerakan KPDNHEP Selangor 03-55144388/5518 1810/5512 5485 dan aplikasi WhatsApp 019-279 4317,” ujarnya.

## Maqis rampas sosej daging babi positif ASF

**SEPANG** — Sosej daging babi seberat 10 kilogram (kg) yang dirampas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 26 Mac lalu diasher positif African Swine Fever (ASF). Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) memaklumkan, sosej tersebut dibawa masuk seorang warga China dan dilahsun segera selepas pemeriksaan bahagi dijalankan pulak 3 petang. Beberapa sampel telah diambil untuk diuji di Makmal Kesihatan Awam Veterinar (MKAV). Hasil ujian mendapat sesej bernilai RM350 itu positif penyakit ASF katanya.

Mengulas lanjut, Malaysia mengenakan larangan membawa masuk produk babi dari negara yang mengalami wabak penyakit ASF termasuk penumpang di lahan udara bagi menghalang risiko kemasukan penyakit itu.

“Virus ASF ini tidak akan menjangkis manusia dan ia hanya menjangkis babi. ASF sangat mudah merebak dan mampu menyebabkan kadar kematiian yang sangat tinggi sehingga 100 peratus dalam kumpulan ternakan itu,” ujarnya.



**SOSEJ DAGING BABI YANG DIRAMPAS MAQIS DI KLIA DISETAKAN POSITIF ASF.**

# Hanya terdapat 2 kebun nanas cobek komersil

Oleh **ZULKEFLI HUSSIN**

**BACHOK:** Nanas cobek dari-pada keluarga Queen dengan pembiakan sulur hanya diusahakan di Kelantan setelah induknya dibawa dari Thailand.

Pengarah Lembaga Per-industrian Nanas Malaysia (LPNM) Wilayah Timur, Mohd. Zamani Ab. Ghani berkata, permintaannya begitu tinggi kerana brik kemanisannya mencapai 16 hingga 18 peratus lebih tinggi berbanding varieti nanas lain.

“Ia berpotensi untuk dikembangkan bagi memenuhi permintaan domestik. Nanas cobek dijual dengan harga RM8 seki-logram bagi harga ladang dan mencecah RM11 hingga RM13 bagi pasaran runcit.

“Setakat ini hanya terdapat dua kebun nanas cobek komersil iaitu di Tumpat dan di Kolej Vokasional Bachok,” katanya ketika ditemui pada lawatan Timbalan Menteri Pertanian II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh Ahad lepas.



**Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh tertarik melihat nanas cobek.**

Mohd Zamani berkata, nanas terbabit diusahakan di kawasan seluas 11.2 hektar di Kampung Laut, Tumpat dan sembilan hektar di Bachok.

Menurutnya juga pengrusan kolej vokasional sedia membekalkan sulur benih dengan harga RM1.50 sepokok.

“Pekebun yang berhasrat mengusahakan secara ladang boleh berdaftar dengan LPNM bagi mendapatkan bantuan tertentu yang disediakan,” ujarnya.

Selain nanas cobek terdapat 12 lagi varieti yang didaftar sebagai tanaman komersial iaitu Mo-

ris, Sarawak, Gandul, Jospine, Yankee, Moris Gajah, Maspine, N36, MD2, View Of Sunset, Madu Kaca dan nanas Keningau Diamond.

Varieti itu berasal dari Brazil, Taiwan dan Thailand.

Beratnya antara 1.5 hingga 2 kilogram dalam bentuk kon atau selinder, berwarna kuning hijau dengan 138 mata yang boleh dicobek tanpa perlu dihiris untuk dimakan.

Sementara itu, Dr Nik Muhammad Zawawi berkata, kementerian sedia menyalurkan bantuan bagi mengembangkan industri nanas terutama varieti baharu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## Ikut jadual penanaman padi ditetapkan [METROTV]



Kangar: Pesawah padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis diminta terus mematuhi jadual penanaman padi musim 1/2022 walaupun cuaca tidak menentu melanda negara pada waktu ini.

Pengerusinya Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, penanaman padi bagi musim 1/2022 tahun ini sudah pun bermula sejak 23 Mac hingga 17 Ogos depan membabitkan kawasan seluas 100,685 hektar.

"Proses penanaman padi pada musim ini berlangsung dalam tiga fasa membabitkan 57,635 pesawah padi kawasan MADA di Kedah dan Perlis.

"Daripada jumlah itu, 9,171 adalah pesawah padi di Perlis. Fasa pertama sudah bermula 23 Mac lalu yang mana pesawah sudah siap dalam penyediaan tanah dan kita jangka tarikh akhir untuk menabur adalah pada 20 April depan.

"Kita dapat sebahagian daripada pesawah memang mengikut jadual ditetapkan namun sebahagian lain masih lagi kita menunggu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) Bulan Mei dan September 2021 Bagi Kawasan MADA Negeri Perlis di sini hari ini.

Katanya, walaupun hujan tidak menentu ketika ini, pihaknya melihat tidak berlaku sebarang masalah terutama dari segi pengairan kerana empangan yang menyalurkan air di Empangan Muda masih cukup untuk menyalurkan air.

"Apa yang penting pesawah padi di kawasan sentiasa mengikut jadual supaya penanaman padi dapat berjalan lancar," katanya.

Terdahulu, Ahmad Tarmizi menyampaikan bantuan wang ihsan kepada 400 pesawah padi yang terkesan bencana.

Turut hadir Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) meluluskan peruntukan melalui Bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana Tanaman Padi berjumlah RM1.3 juta kepada 956 pesawah padi yang terjejas akibat bencana banjir dan padi rebah yang berlaku di Perlis pada Mei dan September tahun lalu.



Ahmad Tarmizi (berkopiah hitam) bersama Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man menyampaikan bantuan MADA kepada pesawah yang terjejas di Dewan Warisan, Kangar. FOTO AIZAT SHARIF

BORANG PENILAIAN PENCAPAIAN OUTPUT

BULAN APRIL 2022

Nama : AZRA AZIAH BINTI AZMI  
 No KP : 890521-10-5084  
 Bahagian/Unit : UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Bil.	Tugasan	Sasaran Output (kuantiti atau masa atau kualiti)	Pencapaian	Upah																			
1.	<p>Deskripsi Tugas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penulisan siaran media</li> <li>- Perancangan media</li> <li>- Penyediaan <i>PowerPoint</i> dan laporan</li> <li>- Penyelaras Program</li> <li>- Penyedian gambar-gambar dan rakaman</li> <li>- Penghasilan video dan animasi</li> <li>- Fotografi</li> <li>- Penyediaan grafik</li> </ul>	<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td>1-30 April 2021</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>1-30 April 2021</td> <td>1</td> </tr> </table>	1-30 April 2021	1	1-30 April 2021	1	<p>Kelayakan Akademik : Ijazah Sarjana Muda</p> <p>Peratus Pencapaian Output:</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;">Pencapaian</td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;"><input checked="" type="checkbox"/></td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;">X 100%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;">Sasaran</td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;"><input type="checkbox"/></td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;"></td> </tr> <tr> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;">1</td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;"><input type="checkbox"/></td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;"></td> </tr> <tr> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;">1</td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;"><input checked="" type="checkbox"/></td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;">X 100%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;">= 100%</td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;"></td> <td style="text-align: right; padding-right: 10px;"></td> </tr> </table> <p>Upah layak dibayar</p> $= 100\% \times \text{Upah Kasar}$ $= 100\% \times 2,000.00$ $= \text{RM } 2,000.00$	Pencapaian	<input checked="" type="checkbox"/>	X 100%	Sasaran	<input type="checkbox"/>		1	<input type="checkbox"/>		1	<input checked="" type="checkbox"/>	X 100%	= 100%			<p>Upah bulanan RM2,000</p>
1-30 April 2021	1																						
1-30 April 2021	1																						
Pencapaian	<input checked="" type="checkbox"/>	X 100%																					
Sasaran	<input type="checkbox"/>																						
1	<input type="checkbox"/>																						
1	<input checked="" type="checkbox"/>	X 100%																					
= 100%																							



# Terpaksa caj potongan ayam untuk dapat untung

Oleh MUHAMMAD SHAHZAM TAZALI  
[utusantnews@mediatulia.com.my](mailto:utusantnews@mediatulia.com.my)

Menurutnya, keuntungan yang diperoleh rata-rata peniaga ayam segar di Melaka kini tidak sampai RM1 seekor. “Caj khidmat pemotongan ayam dikenakan demi kelangsungan perniagaan. Jika tidak mengambil inisiatif ini, bagaimana saya hendak bertahan kerana pelbagai belanja perlu dibayar seperti sewa, gaji pekerja dan utiliti.

“Saya beli ayam hidup daripada pemborong pada harga RM6.05 sekilogram, tidak termasuk kos pengangkutan 70 sen. Ayam hidup kemudiannya perlu melewati proses tambahan sebelum dijual dikenali sebagai Rahmad, 55, berkata, sebelum ini, dia tidak mengenakan caj, namun terpaksa berbuat demikian selepas buntu memikirkan kos seekor ayam yang semakin mahal.

kepada pelanggan. “Selain itu, pemborong juga licik apabila mereka menujukkan harga ayam hidup sama seperti harga siling di dalam rest, tetapi memindahkan kos itu kepada caj pengangkutan,” katanya, jika ada kenaikan katanya ketika diremui *Utusan Malaysia*.

Dalam perkembangan lain, tinjauan akhbar ini di beberapa pasar awam di negeri ini mendapati, bekalan barang basah seperti ayam danikan masih mencukupi dan tiada lonjakkan harga sempena Ramadhan.

Seorang peniaga, Ilhamdin Abu Karim, 23, berkata, Ra-

madan dan Hari Raya Aidilfitri tidak banyak memberi kesan kepada bekalan makanan harga, dan situasi itu berbeza dengan sambutan Tahun Baharu Cina baru-baru ini.

Katanya, jika ada kenaikan harga sekalipun, ia hanya melibatkan spesis-spesies tertentu seperti tenggiri kerana mendapat permintaan tinggi pelanggan. “Bekalan ikan biasa dan harga daripada pemborong juga tidak menentu. Setiap hari harganya berubah tetapi tidaklah terlalu tinggi sehingga membebankan penjual,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
7/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1
			SURAT

Didakwa berselindung di sebalik nama persatuan penternakan

# Kartel kawal harga ayam

Oleh **FARHNI FAIZ**  
*farhni.faz@mediamulia.com.my*

**PETALING JAYA:** Kewujudan komplot atau kartel yang mengawal harga pasaran ayam di negara ini didakwa menyebabkan harga ternakan itu tidak menentu di pasaran sejak

kebelakangan ini. Malah, hampir keseluruhan rantai penternakan itu dikawal beberapa kartel besar yang menggunakan persatuannya sebagai kaedah penyamaran perbuatan mereka.

Sumber dalaman industri

memberitahu *Utusan Malaysia*, menyangka

cengkaman kartel itu berlaku ke atas keseluruhan rantai industri termasuk berkuasa menentukan harga anak ayam berusia sehari untuk tujuan baka, harga dedak mahal harga ayam di pasaran.

Kata sumber itu, ini sekali gus menyatakan sese-

ngah, pihak kongnya golongan penternak ayam, iaitu kumpulan terbawah dalam proses rantai bekalan menjadi dalam kepada peningkatan harga yang diterapkan. Sedangkan, katanya, kumpulan penternak termasuk di negeri-negeri hanya terlibat menerima bekalan anak ayam

dan sumber makanan dari pada pihak kartel dan membela sehingga tempoh tertentu sebelum dijual semula kepada kartel berdasarkan harga yang diterapkan.

**Bersambung di muka 2**

# Kartel kawal harga ayam

Dari muka 1

“Kebanyakan kartel yang mengawal harga ayam hidup, anak ayam dan dedak. Mereka ini adalah pembekal dedak, pembekal anak ayam serta ayam siap sembelih kepada pasaran. Selalu berlaku salah faham dalam kalangan masyarakat yang mendakwa kumpulan penternak yang kawal harga. Hakikatnya penternak tiada kuasa mengawal harga.

“Kami menternak sebab kami ada reban. Jadi, bila kami ikat kontrak dengan sesiapa, maka, kartel atau dalam istilah industri disebut *integrator* iaitu syarikat-syarikat ternakan besar yang bertindak selaku orang tengah. Mereka akan bekalkan kami dengan anak ayam, dedak dan ia proses yang diikat melalui kontrak.

“Bila cukup tempoh, kita jual kembali kepada *integrator* itu tadi, kami tak akan hantar kepada kilang sembelihan. Sebaliknya *integrator* yang akan hantar lori kepada kami untuk dimuatkan dengan ayam hidup sebelum mereka uruskan proses selanjutnya.

“Jadi di pihak penternak ini, kami hanya tukang bela sahaja. Kami tidak menentukan harga ladang ayam-ayam tersebut, sebab kami diikat dengan kontrak.

“Bila kita ikat kontrak, bermakna apa saja proses yang berlaku selepas dari ladang ternakan, ia bukan tanggung-jawab kami dan bukan perkara di bawah urusan kami,” katanya di sini, semalam.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan keluhan orang



**KENAIKAN** harga ayam di pasaran di beberapa negeri didakwa angkara kartel.

ramai di beberapa negeri berhubung kenaikan mendadak harga ayam standard sehingga dijual RM10 sekilogram berbanding RM8.90 harga yang ditetapkan oleh kerajaan.

Mengulas lanjut, sumber berkata, alasan bahawa harga ayam di pasaran terpaksa dinaikkan sebab harga dedak meningkat, sangat tidak masuk akal.

Walhal katanya, pada 6 April, harga jualan ayam sekilogram pihaknya kepada integrator ialah RM4.60, sedangkan harga purata sekilogram ayam pada hari tersebut di pasaran mencanak naik sehingga mencecah RM10 sekilogram.

“Kami ada laporan kewangan harian, yang mana jelas menunjukkan bahawa pada 6 April, harga yang *integrator* bayar kepada kita bagi satu kilogram ayam hidup ialah RM4.60. Itu harga ayam hidup

yang sudah dicampur kos makanan.

“Selepas menjual kepada mereka, kartel-kartel ini akan melakukan beberapa proses seperti hantar ke pusat sembelihan sehingga ayam sampai ke pasaran.

“Sekarang cuba bayangkan, harga yang mereka bayar kepada kami selaku penternak ialah RM4.60. Harga sembelihan pula, lazimnya RM1.50 termasuk kos pembungkusan.

“Kenapa harga di pasaran pada 6 April, mencecah RM10? Apa lagi kos-kos tersembunyi yang kartel sorokkan?” soalnya.

Sumber menambah, alasan kartel kononnya harga ayam melambung akibat kenaikan kos logistik bagi mengeksport komoditi yang menghasilkan dedak seperti jagung dan soya, adalah tidak berasas sama sekali.

**JUAL MELEBIHI HARGA SILING****Tiga premis pemborong kena kompaun RM1,000**

**Shah Alam:** Sengaja undang masalah apabila tiga premis pemborong dikesan menjual ayam mencecah harga RM9.30 sekilogram berbanding RM8.90 ditetapkan kerajaan.

Akibatnya semua pemilik terbabit dikenakan kompaun RM1,000 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor.

Tindakan diambil susulan maklumat diterima KPDNHEP berhubung pergerakan harga runcit ayam di sesetengah pasar awam serta basah sekitar Selangor yang menjual mencecah RM9.30 sekilogram.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, ketiga-tiga premis di sekitar Klang, Puchong dan Kajang

itu didapati menjual ayam standard pada harga borong melebihi harga ditetapkan di bawah Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam.

Ketanya, semua premis pemborong itu dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

"Ketiga-tiga premis dikenaan tindakan mengikut peruntukan Seksyen 11, menjual barang kawalan melebihi harga maksimum ditetapkan di bawah AKHAP 2011.

"Justeru, mereka dikenakan kompaun serta merta masing-masing dengan nilai RM1,000 yang membawa jumlah keseluruhan kompaun RM3,000," katanya, semalam.



ANTARA premis pemborong di sekitar Klang, Puchong dan Kajang yang dikompaun kerana menjual ayam pada harga borong melebihi harga ditetapkan.



TINJAUAN harga ayam di pasar basah sekitar jalan Raja Alang dan Danuk Keramat.

**Jangka harga melonjak RM12 sekilogram menjelang Aidilfitri**

**Kuala Terengganu:** Harga ayam didapati meningkat RM1.60 sekilogram, semalam sekali gus melebihi harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90 sekilogram (kg).

Tinjauan Harian Metro di Pasar Cabang Tiga di sini, mendapati harga ayam dijual pada harga RM10.50 setiap kg.

Sebelum ini, ayam dijual pada harga RM9.50 satu kilogram minggu lalu dan mula meningkat RM10.50 setiap hari ini (semalam), katanya.

Peniaga, Zul Fakri Amin Abdul Manan, 35, berkata, peningkatan harga ayam berlaku di dorong oleh faktor kos operasi dan pengangkutan yang melambung di peringkat pemborong.

"Kami mendapatkan beberapa ayam daripada pemborong pada harga RM8.90 sekilogram dan menaikkan harga jualan secara runcit daripada RM9.50 pada

Pada hari pertama Ramadan (Ahad lalu), harga runcit ayam segar dijual RM10 sekilogram, tetapi meningkat RM10.50 sekilogram hari ini (semalam)," katanya.

Zul Fakri

minggu lalu dan RM10 pada hari pertama Ramadan.

"Pada hari pertama Ramadan (Ahad lalu), harga runcit ayam segar dijual RM10 sekilogram, tetapi meningkat kepada RM10.50 sekilogram hari ini (semalam)," katanya.

Ketanya, orang ramai merungut berikutan kenaikan harga ayam di pasaran, tetapi peniaga tiada pilihan melainkan terpaksa menaik-



ZUL FAKRI menyusun ayam segar yang dijual di geraiannya di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. - Gambar NSTP/BAHAROM BAKAR

**Bekalan makin kurang**

**Harga ayam di ibu kota cecah harga RM9.50 sekilogram**

Oleh Hafidzul Hilmie Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**eniaga ayam mentah di sektor ibu kota terpaksa menaikkan harga bekalan itu sehingga 60 sen sekilogram (kg) semalam, susulan bahan mentah itu berkurangan serta ditawarkan pada harga terlalu tinggi.

Tinjauan di pasar basah sekitar Jalan Raja Alang dan Danuk Keramat di sini, mendapati harga ayam di sektor bandar raya terus dijual pada harga antara RM9 sehingga RM9.50 sekilogram (kg), melebihi harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90 sekilogram.

Peniaga ditemui mengaku tertekan dan kecemasan dengan situasi itu kerana tidak lagi mendapat untung serta balik modal, sebalik-

nya hanya bertahan memastikan perniagaan tidak ditutup.

Peniaga Ayam, Ahmad Fadzil Zahari, 36, berkata, pelbagai faktor menyebabkan kenaikan harga antara nya menerima harga ayam tinggi daripada pembekal.

"Kami jangka bakal berlaku kenaikan ketika musim perayaan nanti jika harga dari pembekal tidak dijawab," katanya.

Sementara itu, peniaga bazar Ramadan, Mohd Sufi Ramli, 29 berkata, kenaikan harga bahan mentah menyebabkan dia menaikkan harga barang jualan.

"Memang berlaku sedikit kenaikan pada harga jualan, kalau tidak macam mana nak untung, mana ada peniaga mahu rugi."

"Saya harap ada campuran pihak penguatkuasa dan dapat melakukan siasatan secara telus agar pemborong tidak memanipulasi harga setiap kali musim perayaan," katanya.

kan harga jualan.

"Kerajaan perlu bertindak segera mengawal kenaikan harga ayam kerana jika tidak dikawal, ia menimbulkan kemarahan orang ramai terutama menjelang Aidilfitri seperti beberapa tahun lalu."

Ketanya, mereka tidak menolak kemungkinan harga ayam melonjak parás RM12 sekilogram seperti ketika Tahun Baru Cina, Februari lalu.

"Kenaikan harga ayam mencecah ke paras RM12 sekilogram dijangka berulang jika kawalan tidak dilakukan di peringkat ladang dan pemborong."

"Kami peniaga runcit merurunkan harga siling seperti ditetapkan kerajaan jika tiada kenaikan di peringkat pemborong," katanya.

# Peniaga ayam tertekan, terpaksa naikkan jualan

**Kuala Lumpur:** Peniaga ayam di bandar raya ini semakin tertekan dan terpaksa menaikkan harga antara 10 hingga 60 sen apabila pemborong menaikkan harga bekalan bahan mentah itu sejak Ahad lalu.

Tinjauan di Pasar Chow Kit, Jalan Raja Bot mendapati, rata-rata peniaga menjual ayam antara RM9 sekilogram (kg) sehingga RM9.50kg, melepas harga siring RM8.90kg.

Peniaga ayam, Mohd Arif Ali Imran, 23, berkata dia mula menjual ayam pada harga RM9.20kg sejak awal Ramadhan selepas pemborong menaikkan harga 30 sen kerana kekurangan bekalan.

“Kebanyakan pelanggan berterima kenapa harga ayam naik, saya terpaksa beritahu pemborong menaikkan harga,” katanya.

yang mampu menjual 50 ekor ayam pada hari biasa dan kira-kira 100 ekor ayam pada hari minggu.

Seorang lagi peniaga ayam, Shahru Asraf Mohd Saman, 26, berkata dia mula menjual ayam pada harga RM9.50kg sejak kemarin selepas pemborong menaikkan harga Ahad lalu.

“Pemborong mendakwa pelabuhan mereka terpaksa meningkatkan harga menyebabkan mereka mendapat kawan pada kadar RM8.90kg.

“Peniaga mendakwa pelabuhan mereka terpaksa meningkatkan harga menyebabkan mereka mendapat kawan pada kadar RM8.90kg.

“Saya masih boleh terima harga ayam yang naik berbanding sebelum ini iaitu sehingga RM10kg dan berharapkenaikan harga ini juga tidak berterusan,” katanya.

Di Shah Alam, walaupun terpaksa menanggung kerugian kerana tindakan pembekal meningkatkan harga ayam, rata-rata peniaga di negeri ini akur arahan Kementerian Perdagangan, Daerah Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan har-

ga ayam menaiknya pada harga yang rendah sedangkan ada pasar lain menjualnya pada harga tinggi.

“Peniaga mendakwa pelabuhan mereka terpaksa meningkatkan harga menyebabkan mereka mendapat kawan pada kadar RM8.90kg.

“Saya memang ikut harga KPDNHEP iaitu RM8.90kg, tetapi pembekal menaikkan harga, jadi kami terpaksa menaikkan harga ayam RM9.30kg pada Ahad lalu.

Jika tidak, kami tidak dapat tam-pung gaji pekerja serta kos sam-pungan lain,” katanya.

Muhammad Hafidz Hafifi, 24, pulu berasa teramaiya kerana terpaksa menjual ayam pada harga yang rendah sedangkan ada pa-sar lain menjualnya pada harga tinggi.

“Peniaga mendakwa pelabuhan mereka terpaksa meningkatkan harga menyebabkan mereka mendapat kawan pada kadar RM8.90kg.

Ramadan,” katanya.

“Kami mendapatkan bekalan ayam segar daripada pemborong di peringkat pemborong.

“Kami mendapatkan bekalan ayam segar daripada pemborong pada harga RM8.90kg dan terpaksa menaikkan harga jualan dari pada RM9.50kg minggu lalu dan RM10kg pada hari pertama

“Kami memang ikut harga KPDNHEP iaitu RM8.90kg, tetapi pembekal menaikkan harga, jadi kami terpaksa menaikkan harga ayam RM9.30kg pada Ahad lalu.

“Kami mendapatkan bekalan ayam segar daripada pemborong pada harga RM8.90kg dan terpaksa menaikkan harga jualan dari pada RM9.50kg minggu lalu dan RM10kg pada hari pertama

Ramadan,” katanya.

Seorang lagi peniaga, Ahmad Afzar Azhari, 33, berkata harga ayam segar dijangka akan terus meningkat seperti dialami beberapa hari menjelang Aidilfitri.

“Peniaga tidak menolak kemungkinan harga akan terus meningkat ke paras RM12kg seperti sambutan Tahun Baharu Cina pada Februari lalu,” katanya.

“Peniaga tidak menolak kemungkinan harga akan terus meningkat ke paras RM12kg seperti sambutan Tahun Baharu Cina pada Februari lalu,” katanya.

“Peniaga tidak menolak kemungkinan harga akan terus meningkat ke paras RM12kg seperti sambutan Tahun Baharu Cina pada Februari lalu,” katanya.

“Peniaga tidak menolak ke-

NATIONWIDE ENFORCEMENT

# TRADERS COMPOUNDED RM65,300

**They sold chicken above ceiling price of RM8.90 per kg, did not display tags**

DAWN CHAN  
AND NURADZIMMAH DAIM  
KUALA LUMPUR  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**C**OMPOUNDS of up to RM65,300 were issued to errant chicken stall operators for selling standard chicken beyond the RM8.90 per kg ceiling price and failing to display price tags.

Domestic Trade and Consumer Affairs minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the compounds were issued during the nationwide enforcement from Feb 5 to April 5 at 39,950 premises selling standard chicken.

"Up to 18 premises violated the law by increasing the ceiling price while 470 premises failed to display price tags."

"Compounds totalling up to RM65,300 were issued to the offenders," he told the *New Straits Times*.

He was responding to NST's front-page report yesterday on the hike in standard chicken prices from the ceiling of RM8.90 per kg to RM11 and RM9.50 per kg at the Lucky Garden and Taman Tun Dr Ismail wet markets, respectively.

Nanta reminded all players in the supply chain not to take advantage of the country's borders reopening from April 1 and Ramadan by unnecessarily increasing the prices of goods or they would face action and fines.



Datuk Seri  
Alexander Nanta  
Linggi

The ministry's engagement with farm suppliers had been an actively ongoing measure to ensure poultry supplies were sufficient to meet the current demands and suppliers adhere to the price control mechanism imposed, he said.

"Monitoring of activities and enforcement have been heightened ever since the government implemented the Keluar-ga Malaysia Maximum Price Scheme."

"We have our authorities consistently monitoring prices to ensure suppliers and businesses are complying with the law, such as displaying prices, scrutinising weighing machines and whether there is any profiteering going on," he added.

On the call by the Federation of Malaysian Consumers Association

tions for approved permits to import whole chicken be abolished as it had allowed certain parties to control and manipulate the prices of chicken, Nanta said it was done on a temporary basis to address the issue of supply shortage.

At the same time, it also served to stabilise the prices in the market despite the subsidies given to poultry farmers.

"With the robust enforcement on the ground to curb the violation of the ceiling price scheme on poultry, the ministry will step up efforts to conduct investigations to ensure there are no price cartels or manipulation by middlemen."

"The Malaysia Competition Commission (MyCC) has also announced the formation of a special task force in February to investigate competition-related issues in the chicken and eggs industry following the directive given by the National Action Council on Cost of Living."

"So far, MyCC has been receiving support from industry players and all other relevant parties."

On claims by the Consumers Association of Kedah (CAKE) on Tuesday that suppliers were enforcing a delivery charge on retailers that had never been imposed before, Linggi said a thorough probe was underway.

"I have mentioned that even an increase of one sen above the ceiling price set by the government is prohibited."

"We will take stern action. This matter is being investigated under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011," he said.

CAKE honorary secretary Yusrizal Yusoff said the charges meant retailers had to pay more to obtain their supply of chicken.

He alleged that chicken was sold at RM8.50 per kg, below the ceiling price, but it shot up to RM9.50 per kg recently after the suppliers imposed delivery charges on retailers.

## Lam Thye: Act swiftly or it will be national crisis

**KUALA LUMPUR:** The issue of standard chicken being sold beyond its RM8.90 per kg ceiling price could potentially escalate into a national crisis if the government does not act swiftly.

Alliance for Safe Community chairman Tan Sri Lee Lam Thye said the onus was on the government to resolve the matter amicably with stakeholders for the benefit of all, including consumers.

"When the situation emerges where the price of chicken has shot up drastically to RM11 per kg, it is the government's responsibility to do something because we do not want people to suffer because of the high costs."

"Chicken is in demand and it is consumed by all races, especially during the festive season."

"A price tag of RM11 per kg will make chicken unaffordable to many people, especially the Bottom 40 per cent (B40) group," he told the *New Straits Times* yesterday.



Tan Sri Lee Lam Thye

Lee was responding to the issue front-paged by NST, where prices of standard chicken at the Lucky Garden and Taman Tun Dr Ismail wet markets were set at RM11 and RM9.50 per kg, respectively.

This move was in defiance of the government's price control order for standard chicken, which was fixed at RM8.90 per kg and enforced from Feb 5 to June 5.

The government, Lee added, should meet chicken suppliers, breeders, consumer associations and relevant stakeholders to find a win-win solution for all.

"It is a Catch-22 situation for all parties. One of the issues would be the rising prices of imported chicken feed. Breeders would add that cost to sellers and then to consumers."

"It is my hope that the best solution can be found quickly."

In Selangor, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry had issued compounds to three wholesalers in Klang, Puchong



Customers buying chicken at a wet market in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY MOHAMAD SHAHRI BADRI SAALI

and Kajang for selling chicken beyond the ceiling prices set by the government.

Wholesale and retail prices of standard chicken were capped at RM7.60 per kg and RM8.90 per kg, respectively.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry state director Muhamad Zikri Azan Abdullah said the wholesalers were issued RM1,000 compound each under Section 11 of the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011.

Upon inspection, he said two of

the premises owners had failed to furnish their wholesale licence for the controlled items.

"They are being investigated under Regulation 3(1) of the Control of Supplies (Chicken) Regulations 1996, Control of Supplies Act 1961."

"The ministry's Selangor division has carried out checks and investigation at the wholesale level in the state following information on the chicken retail prices at some markets that reached RM9.30 per kg."

"Overall, we have opened five cases on this."

Zikri reminded sellers to adhere to the regulation and that stern action would be taken against those who fail to comply with the ceiling prices.

He also advised consumers to report non-compliance by sellers through formal complaint platform, among others, through WhatsApp 019-279 4317, e-aduan.kpdnhep.gov.my portal, call centre 1-800-886-800 or email e-aduan@kpdnhep.gov.my.

# Rugi RM30,000 tanaman diserang penyakit misteri

**Lebih 4,000 Melon Manis Terengganu terbantut susulan cuaca tak menentu**

Oleh Ahmad Rabiu Zulkifli  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Terengganu:** Seorang pemuda kerugian lebih RM30,000 apabila lebih 4,000 pokok Melon Manis Terengganu (MMT) yang ditanamnya diserang penyakit misteri susulan cuaca tidak menentu, baru-baru ini.

Halim Ismail, 31, dari Kampong Peradong berkata, semua

pokok MMT yang ditamam diserang penyakit misteri, menyebabkan tanamannya itu terban tut. "Saya tanam lebih 4,000 pokok MMT itu pada Januari lalu dan buah itu sepatutnya dituai separjang Mac. Bagaimanapun, pokok diserang penyakit menyebabkan pokok terbantut dan tempoh buah masak lanjut hingga ke April.

"Buah masak, tetapi bersaiz sangat kecil, kualitinya tidak seperti biasa dan tidak boleh dijual," katanya ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Hasil Taman Kekal Pengeluaran MMT, Susulan (TKPM) Peradong, semalam.

Bercerita lanjut, Halim ber kata, buah itu boleh dimakan,

tetapi tidak mencapai piawaiannya yang sepatutnya. Berikut itu, katanya, lebih 2,000 biji buah yang dipetik semalam dinadiahkan sahaja kepada penduduk kampung. Beliau berkata, kejadian itu bagaimanapun tidak mematahkan semangatnya untuk terus menanam buah itu.

"Sejak 2018, saya menuai hasil yang baik dengan kutipan lebih RM30,000 setiap musim. Tanun ini, Allah uji saya dan saya perlu bersabar serta tidak berputus asa meneruskan kegiatan itu seperi biasa," katanya.

"Saya perlu menanam buah baru pada pertengahan April ini dan dijangka menuai hasil pada akhir Jun ini, namun buntut memikirkank modal yang tidak mencukupi," katanya.



Halim menunjukkan pokok Melon Manis Terengganu ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Hasil Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong, semalam.

(Foto Ahmad Rabiu Zulkifli/BH)

termasuk pembelian baja dan racun berjumlah RM6,000 untuk lebih 4,000 pokok MMT. Sekarang, meningkat RM10,000 semusim dan ia memang memberi cabaran kepada petani.

"Saya perlu menanam buah baru pada pertengahan April ini dan dijangka menuai hasil pada akhir Jun ini, namun buntut memikirkank modal yang ti-

# Perak bangun projek durian skala besar

**LENGGONG:** Kerajaan Perak mengorak langkah membangun projek tanaman durian berskala besar untuk meningkatkan penjanaan pendapatan melalui pelbagai cabang perniagaan.

Projek tersebut diusahakan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) di Ladang Ayer Kala, Lenggong.

Penanaman pertama Projek Penanaman Durian Perak SADC melalui anak syarikat Perak Agro Forestry Sdn Bhd (PAFSB) itu sebagai kesinambungan untuk menjadikan anak-anak syarikat Perak SADC sebagai '*profit centre*'.

Menteri Besar Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, Perak SADC merancang membangunkan projek tanaman durian melibatkan kawasan seluas 1,553 ekar di seluruh Perak.

Katanya ia melibatkan peruntukan berjumlah RM44.41 juta dengan tumpuan varieti Musang King, Duri Hitam dan D24.

"Selepas beberapa kajian dibuat, lokasi tersebut berpotensi sekaligus dipilih dibangun sebagai ladang perintis tanaman durian berdasarkan kesesuaian topografi dan geografinya.

"Sebanyak 12,000 anak pokok durian terdiri daripada varieti Musang King, Duri Hitam serta D24 akan ditanam di lokasi itu dengan keluasan 300 ekar," katanya pada kenyataan di laman sosial baru-baru ini.

Saarani juga berkata, lokasi tersebut sebelum ini merupakan ladang kelapa sawit, yang kini mencapai tempoh tana-



**Saarani Mohamad dan Razman Zakaria pada perasmian penanaman pertama projek penanaman durian Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak.**

man semula.

Kata beliau ladang terbabit akan dilengkapi '*smart irrigation system*' yang berfungsi memastikan aspek pengurusan pengairan anak pokok durian diseragam dan dikawal secara sistematis.

"Teknologi seumpama itu menjadi kunci kepada kejayaan tanaman durian dan mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh.

"Perak SADC berharap projek tanaman durian akan memacu kejayaan kepada keséjahteraan rakyat serta ekonomi Perak," katanya.

Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Perladangan Pertanian dan Industri Makanan Negeri Razman Zakaria.